



PETIKAN TITAH



Nikmat 40 tahun kemerdekaan yang kita sambut pada hari ini, merupakan kurnia Allah melalui usaha dan perjuangan generasi masa kini dan orang-orang sebelum kita. Pengertian kemerdekaan merangkumi aspek-aspek kebebasan dan pencapaian hidup harmoni. Inilah pengertian sejati kemerdekaan itu.

Kerana itu, kemerdekaan mesti dipelihara, ditanai dan dipertahankan demi kesucian ugama dan kedaulatan bangsa, negara dan raja.

Ini semua memerlukan adanya perpaduan dan semangat patriotisme dikalangan rakyat jelata, selaku tunjang ketahanan dan keutuhan negara.

Menyentuh sedikit mengenai pembangunan ekonomi negara, Beta gembira dengan adanya kemajuan dalam bidang bukan minyak dan gas ini memberi akses kepada pasaran-pasaran baharu dengan meningkatkan *maritime connectivity* dengan negara-negara luar.

Alhamdulillah, usaha telah dilihat tercapai, apabila Syarikat Muara Port Company Sdn Bhd telah berjaya merasmikan pelayaran pertama perkapalan kontena, langsung dari Pelabuhan Muara ke Pelabuhan Qinzhou, Republik Rakyat China pada tahun 2023.

Untuk akhirnya, Beta ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk peserta, petugas dan ahli-ahli Jawatankuasa yang bertungkus lumus dalam menjayakan Sambutan kali ini.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan ini ditujukan kepada semua lapisan rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam termasuk mereka yang bertugas di luar negara, Pasukan-Pasukan Keselamatan, para sukarelawan dan belia serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan iringan doa semoga kita dan negara akan sentiasa berada di dalam rahmat dan perlindungan Allah *Subhanahu Wata'ala*.

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sempena Menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 bagi Tahun 1445H / 2024 M



SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:

Yang Mulia Awang Mohamad Iskandar bin Haji Idris
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd bin Haji Abd Wahab
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:

Jabatan Penerangan

MAJLIS PELANCARAN DAN PENGANUGERAHAN LOGO BAGI ASEAN-CHINA TAHUN PERTUKARAN RAKYAT-KE-RAKYAT



MAJLIS PELANCARAN DAN PENGANUGERAHAN LOGO BAGI ASEAN-CHINA TAHUN PERTUKARAN RAKYAT-KE-RAKYAT

Khamis, 01 Februari 2024 di Bandar Fuzhou, Wilayah Fujian, Republik Rakyat China

BANDAR FUZHOU, WILAYAH FUJIAN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, KHAMIS, 20 REJAB

1445 / 1 Februari 2024 - Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri Majlis Pelancaran Tahun 2024 Sebagai Tahun Pertukaran Rakyat-ke-Rakyat Bagi ASEAN-China ("2024 as the ASEAN-China Year of People-to-People Exchanges") (ACYPPE) di Bandar Fuzhou, Wilayah Fujian, Republik Rakyat China pada 1 hingga 2 Februari 2024.

Turut hadir ialah Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (Bersara) Dato Paduka Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China.

Hadir mengiringi Yang Mulia Setiausaha Tetap ialah pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Logo ciptaan Dayang Huifong Ng,
salah seorang pemenang daripada
lima pemenang di tempat ketiga.

PROGRAM SIRI BICARA INSPIRASI (BISAI)



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Rejab 1445 / 5 Februari 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan meneruskan program Siri Bicara Inspirasi (BiSAI) dengan forum bertajuk Patriotisme - Peranan Penjawat Perkhidmatan Awam. Forum telah berlangsung di Dewan Digadong, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tajuk forum yang disampaikan ialah Patriotisme: Peranan Penjawat Perkhidmatan Awam yang antara lainnya menyentuh mengenai kefahaman terhadap pentingnya penerapan nilai-nilai jati diri, semangat kebangsaan, kecintaan terhadap agama, dan tanggungjawab bersama untuk mengembangkan rasa cinta dan pengabdian terhadap tanah air dan bangsa. Memahami peranan setiap warga negara dan penduduk, terutamanya bagi warga penjawat awam, dalam memastikan keberhasilan pencapaian Wawasan Negara 2035 menjadi suatu hal yang esensial.

Ahli-ahli panel jemputan di forum ini ialah Yang Mulia Dr. Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Hj Mohd Yunos, Yang Dipertua Persatuan Sejarah Brunei dan Yang Mulia Ustaz Awang Muhd Yussof bin Haji Abdul Majid, Ketua Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sambungan Muka Surat 5



www.kkbs.gov.bn kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA



TEMBURONG, Isnin, 24 Rejab 1445 / 5 Februari 2024 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyerahkan bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat kepada Yang Mulia Awang Panai bin Agong dan Yang Mulia Awang Solaiman bin Agong, pemilik rumah dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian kebakaran di Kampung Parit, Daerah Temburong pada 19 Januari 2024. Majlis penyerahan berlangsung di Kampung Parit, Temburong.

Rumah dua tingkat milik Yang Mulia Awang Panai bin Agong didiami oleh 9 orang penghuni telah ranap sepenuhnya termasuklah 4 buah kenderaan dan sebuah perahu milik penghuni. Semasa kejadian, 4 orang penghuni berada di tempat kejadian, manakala 5 orang lagi bekerja dan berada di rumah saudara terdekat. Akibat kejadian itu, salah seorang anak Yang Mulia Awang Solaiman bin Agong berumur 22 tahun telah terkorban. Punca kebakaran dipercayai akibat daripada penyambungan pendawaian elektrik yang usang.

Bantuan catuan makanan asasi dan keperluan asas juga diberikan kepada keluarga mangsa. Pemberian bantuan kewangan hari ini adalah bagi meringankan kesusahan yang di alami oleh keluarga mangsa. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Rejab 1445 / 6 Februari 2024 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 berjumlah Dua Belas Ribu Ringgit (BND12,000.00) daripada empat buah agensi petang tadi di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin menyumbangkan sejumlah Lima Ribu Ringgit (BND5,000.00) bagi tabung berkenaan.

Chinese Chambers of Commerce menyumbangkan sejumlah Satu Ribu Ringgit (BND1,000.00) yang telah disampaikan oleh Yang Mulia Lim Ting Chai, Vice President Chinese Chambers of Commerce. Sumbangan adalah hasil kutipan daripada ahli-ahli persatuan.

Hokkien Association menyumbangkan sejumlah Satu Ribu Ringgit (BND1,000.00) yang disampaikan oleh Yang Mulia Lee Eng Ching, Vice President Chinese Chambers of Commerce dan Hokkien Association. Hasil sumbangan juga daripada ahli-ahli persatuan.

Zulkader & Company pula menyumbangkan sejumlah Lima Ribu Ringgit (BND5,000.00) yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Mohammad Aasheer s/o Imtiaz Ahmad, Pengurus Pemasaran, Zulkader & Company.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah YM Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, pegawai-pegawai daripada Jabatan

MAJLIS SAMBUTAN ISRAK DAN MIKRAJ



MAJLIS SAMBUTAN ISRAK DAN MIKRAJ
Rabu, 14 Februari 2024 di Dewan Digadong, KKBS

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Syaaban 1445 / 14 Februari 2024

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menganjurkan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1445 Hijrah/2024 Masihi bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-jabatan di bawahnya di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Bagi memberkati majlis, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Yang Mulia Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan, Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Seterusnya, bacaan ayat suci Al-Quran, Surah Al-Israk, ayat 1 oleh Yang Mulia Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abd Rajid, Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1444/2023 Peringkat Akhir.

Majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk Israk dan Mikraj: Mukjizat Agung untuk Insan Pilihan yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir ke majlis tersebut, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-jabatan di bawahnya.



MAJLIS PENGAGIHAN BENDERA KECIL DAN PROGRAM SEMARAK PENGIBARAN BENDERA



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Syaaban 1445 / 15 Februari 2024 –Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri pada hari ini telah mengadakan Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera kepada pelajar-pelajar Sekolah Rendah, Pusat Tingkatan Enam, Sekolah Arab dan Institusi Pengajian Tinggi bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024

Majlis ini bertujuan untuk menyemai rasa kecintaan dan semangat patriotisme di kalangan pelajar bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40, Tahun 2024. Majlis ini diadakan secara serentak di keempat-empat daerah. Sebanyak lebih kurang 1500 bendera kecil meja telah diagihkan kepada para peserta yang terdiri daripada guru dan pelajar yang akan terlibat dalam Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024.



Tumpuan utama bagi majlis ini berlangsung di Sekolah Rendah Rataie, Temburong.

Hadir selaku Tetamu Kehormat bagi Majlis ini ialah Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



UPACARA MENAIKKAN BENDERA BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENANDAKAN BERMULANYA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI 'KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-40, TAHUN 2024



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Syaaban 1445 / 16 Februari 2024

Upacara menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam menandakan bermulanya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024, telah diadakan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di upacara tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh.

Majlis seterusnya menyaksikan anggota-anggota Tentera Laut Diraja Brunei dan Pasukan Pembawa Bendera Benteng yang terdiri dari pasukan Kadet Tentera, Kadet Polis, Kadet Bomba dan Penyelamat serta Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) bergerak masuk bagi penyerahan dan penerimaan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam daripada Tetamu Kehormat majlis.

Penyempurnaan Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara telah diiringi dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam "Allah Peliharakan Sultan" oleh kumpulan koir yang dianggotai oleh 40 orang penuntut dari Sekolah Seri Mulia Sarjana serta diiringi oleh Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei. Sekolah Seri Mulia Sarjana merupakan juara bertahan dalam pertandingan koir lagu-lagu patriotik peringkat sekolah menengah dan maktab-maktab senegara sejak Tahun 2019 dan Sekolah Seri Mulia Sarjana juga menjuarai pertandingan koir lagu kanak-kanak peringkat sekolah rendah senegara pada Tahun 2023.

Majlis ini juga dimeriahkan dengan persembahan dua (2) buah lagu patriotik, "Ikrar Kemerdekaan" dan "Berkibarlah Bendera" bersama kibaran bendera kecil oleh seramai 100 orang penuntut dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok.

Di akhir upacara, majlis telah disempurnakan dengan penyampaian bendera-bendera negara bersaiz sederhana dan poster-poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 kepada Pegawai-Pegawai Daerah bagi keempat-empat daerah.

SIDANG MEDIA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-40, TAHUN 2024



BERAKAS, Isnin, 9 Syaaban

1445 / 19 Februari 2024 –

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam

telah mengurniakan titah perkenan untuk berangkat bercemar duli ke Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah mengurniakan titah perkenan untuk berangkat bercemar duli ke Majlis-Majlis Utama Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, iaitu Majlis Kesyukuran, Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran; dan Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan.

Satu Sidang Media mengenai persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 telah diadakan di Kementerian, Kebudayaan Belia dan Sukan.

Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin bin Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Yang Mulia Awang Ajman bin Haji Meludin, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke- 40, Tahun 2024 telah mengongsikan maklumat-maklumat mengenai acara-acara utama, acara-acara sampingan dan keraian serta persiapan-persiapan yang telah dilaksanakan bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40.

Sidang Media telah diselajurkan dengan penyampaian poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 oleh Yang Mulia Awang Ajman bin Haji Meludin, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri kepada ahli panel, Pegawai Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian, termasuk Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta rakan media.

Sambungan Muka Surat 12



**MAJLIS KESYUKURAN SEMBAHYANG FARDHU MAGHRIB
BERJEMAAH, MEMBACA SURAH YASIN DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE-40, TAHUN 2024**



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Syaaban

1445 / 22 Februari 2024 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Do'a Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 yang berlangsung di Masjid Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menuaikan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar. Ini diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang juga diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan seterusnya memimpin bacaan Surah Yasin beramai-ramai dan Do'a Kesyukuran.



Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Do'a Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 juga diadakan serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah.

• • • • • • • • • • • • • • •

PERHIMPUNAN AGUNG HARI KEBANGSAAN DIRAIKAN MERIAH, PENUH SEMANGAT PATRIOTIK



BERAKAS, Sabtu, 15 Syaaban 1445 / 24 Februari 2024 - Stadium Negara Hassanal Bolkiah sekali lagi menjadi saksi terpahat sejarah dalam meraikan empat dekad kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dengan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024.

Upacara Perhimpunan Agung sempena Ulang Tahun HK NBD Ke-40 kali ini melibatkan kira-kira 25,000 peserta mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara, termasuk belia, mewakili sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi, persatuan-persatuan serta masyarakat umum yang menyertai dalam Acara Perbarisan dan Persembahan Padang.

Perbarisan Lalu di hadapan Pentas Diraja oleh lebih 14,120 peserta yang mewakili 170 buah pasukan didahului oleh Kepala Perbarisan iaitu Pembawa Bendera Negara Brunei Darussalam dan Bendera Logo yang diikuti oleh Pasukan Pembaca Ikrar, Pasukan Beruniform; Pasukan Kadet dan Persatuan Beruniform; Pasukan Beruniform Lain; Pasukan Sektor Awam; Pasukan Jabatan-jabatan Daerah dan Pasukan Badan Berkanun.


Hadirin kemudian dipersembahkan dengan Persembahan Gerak Silat 'Cita Bangsa, Sejarah Terukir' yang disertai kira-kira seramai 1,000 peserta, terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah kerajaan, sekolah-sekolah swasta dan pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), anggota PPDB dengan sokongan 1,800 peserta Pasukan Human Led, 250 peserta koir mewakili kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan serta belia dan kira-kira 130 pemain Orkestra Kebangsaan.

Turut menarik perhatian ramai ialah Persembahan Mini Tutu 'Bersatu Mempertahankan Bangsa' yang dipersembahkan oleh 500 anggota ABDB dengan pembentukan formasi corak menggambarkan transisi pencapaian pemacu pemodenan NBD, seiring dengan peredaran masa. Ini diikuti dengan Persembahan Terjun Payung oleh empat penerjun ABDB, diketuai oleh 717 Mejar Moza Syaffiarizal dari Rejimen Pasukan Khas.

Ikrar Hari Kebangsaan dilafazkan yang dikepalai oleh Pegawai Penjara di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Amirulmukmenin bin Haji Omar sebagai tanda menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya sebagai tanda bersatu padu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah DYMM.

Stadium Negara Hassanal Bolkiah kemudian bergema dengan laungan takbir 'Allahuakbar' yang dilaungkan sebanyak tiga kali dipimpin oleh Penerbit Tingkat I, di Jabatan Radio Televisyen Brunei, JPM, Awang Mohammad Naqiuddin bin Haji Ismail.

Sambutan terus diwarnai dengan Persembahan Tema 'Bersatu Mencapai Cita Negara' bagi meraikan kejayaan 40 Tahun Kemerdekaan NBD, dijayakan oleh 11,000 peserta. Upacara ditutup dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' diikuti terbang lalu empat buah Pesawat Black Hawk dan dua buah Pesawat C295MW Tentera Udara Diraja Brunei.



UPACARA MENURUNKAN BENDERA BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



UPACARA MENURUNKAN BENDERA BESAR NEGARA BRUNEI
Ahad, 25 Februari 2024 di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.



www.kkbs.gov.bn @kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Syaaban 1445 / 25 Februari 2024 - Upacara Menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam bagi menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera kebangsaan di seluruh negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke- 40 Tahun 2024 yang bermula dari 16 Februari 2024. Upacara diadakan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan upacara tersebut ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos, Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, selaku Timbalan Penggerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2024.



www.kkbs.gov.bn @kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkbs.gov.bn @kkbs_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan


MAJLIS PELANCARAN BUKU KEPIMPINAN: BUDI PEKERTI, TUTURAN HATI




BERAKAS, Isnin, 17 Syaaban 1445 / 26 Februari 2024 - Dalam usaha untuk mendidik dan membarigakan nilai-nilai kewibawaan yang berteraskan budi pekerti serta memantapkan jati diri dalam kalangan pemimpin organisasi, Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan sebuah buku berjudul Kepimpinan: Budi Pekerti, Tuturan Hati. Majlis Pelancaran Buku tersebut telah berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis diselajurkan dengan Penandatanganan Perjanjian Lesen Untuk Menerbitkan Karya antara Dewan Bahasa dan Pustaka selaku penerbit dengan Yang Mulia Tengku Sri Indra bin Tengku Ismail selaku penulis.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis, melancarkan buku Kepimpinan: Budi Pekerti Tuturan Hati dan seterusnya menyaksikan penandatanganan Perjanjian Lesen Untuk Menerbitkan Karya ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN 40 KALI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-40, TAHUN 2024




BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Syaaban 1445 / 26 Februari 2024 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 di Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.



Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 serentak di keempat-empat daerah. Majlis ini melibatkan lebih 1,650 orang peserta di keempat-empat daerah yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi, penuntut-penuntut Institusi Pendidikan Teknik Brunei, penuntut-penuntut sekolah menengah, sekolah ugama, Pelathih Pusat Pembangunan Belia, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan-pergerakan belia, sukarelawan-sukarelawan, belia-belia masjid serta qari dan qariah.

Majlis ini adalah antara acara-acara dalam menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama dengan pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir yang secara tidak langsung akan dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi persefahaman serta kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia serta masyarakat kearah menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti keagamaan.



KEMPEN DERMA DARAH KEBANGSAAN 2024 SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-40, TAHUN 2024

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Syaaban 1445 / 28 Februari 2024 - Kempen Derma Darah Kebangsaan 2024 adalah inisiatif Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Kempen Derma Darah Kebangsaan 2024 ini dilaksanakan di keempat-empat daerah selama lima hari bermula pada 27 Februari 2024 hingga 7 Mac 2024, mulai pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari.

Pada 27 Februari 2024, Kempen Derma Darah Kebangsaan 2024 telahpun bermula di Pusat Membeli Belah Times Square, Jalan Berakas yang dianjurkan oleh Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan bagi Daerah Brunei dan Muara.

28 Februari 2024, diteruskan lagi di Daerah Tutong, yang diadakan di Dewan Seri Kenangan, Jabatan Daerah Tutong. Ikut serta derma darah ialah Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kempen Derma Darah Kebangsaan 2024 akan diteruskan pada 29 Februari 2024 di Dewan Serbaguna Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan, 5 Mac 2024 di Dewan Kemasyarakatan Belalong, Pekan Bangar, Daerah Temburong dan pada 7 mac 2024 di Pejabat Ugama Daerah Belait.



LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE KESULTANAN OMAN



MUSCAT, KESULTANAN OMAN, Rabu, 19 Syaaban 1445 / 29 Februari 2024 -

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah membuat lawatan kerja ke Kesultanan Oman pada 28 hingga 29 Februari 2024, atas jemputan His Highness Sayyid Theyazin bin Haitham bin Tariq Al-Said, Menteri Kebudayaan, Sukan dan Belia, Kesultanan Oman, dan juga bagi menghadiri Pesta Buku Antarabangsa Muscat Ke-28 yang diadakan bermula pada 21 Februari 2024 hingga 2 Mac 2024 di Oman Convention and Exhibition Centre.





E-POSTER SEMPENA MEMPERINGATI PERISTIWA ISRA' DAN MI'RAJ



Bersama kitani mengimarahkan malam

نصف شعبان

Surah Al Fatihah ummul Al-Quran,
Dibaca diamal meraih keberkatan;
Sama-sama mengimarahkan Nisfu Syaaban,
Meraih ganjaran pahala sebelum Ramadhan.



www.kkbs.gov.bn

[@kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei)

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

E-POSTER SEMPENA MENYAMBUT NISFU SYAABAN



Dikeluarkan oleh:

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan